



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 21 JULAI 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	SPESIES PREDATOR ANCAM IKAN SUNGAI, NEGARA, KOSMO -14	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	PENDAPATAN NELAYAN DARAT MAKIN BERKURANG, NEGARA, KOSMO -14	
3.	MAN HURTS DOG, FINED RM7,000, NATION, THE STAR -11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4.	AKTA KEBAJIKAN HAIWAN TANGANI PENGANIAYAAN HAIWAN ZALIM, KEJAM, SUARA SINAR, SH -16	
5.	DENDA RM7,000 SEBAB TETAK ANJING, LOKAL, HM -13	
6.	MARAH TETAK ANJING, DALAM NEGERI, UM -8	
7.	LELAKI DIDENDA RM7,000 KERANA TETAK ANJING, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -21	
8.	BALASAN TETAK ANJING DENGAN PARANG, NEGARA, KOSMO -11	
9.	SAWAH PADI KEHIDUPAN ROHANI, DALAM NEGERI, UM -29	PADIBERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS)
10.	EXPEDITION TO STUDY MARINE LIFE POST-COVID-19, THE STAR -ONLINE	LAIN-LAIN
11.	POKOK PUN JADI MANGSA 'FITNAH', TANI.GAYA, UM -23	
12.	150 PENGUSAHA BOT RUGI BESAR, DALAM NEGERI, UM -10	
13.	TIADA PEKERJA TEMPATAN MAHU KERJA, DALAM NEGERI, UM -10	
14.	DULU KONTRAKTOR KINI PETANI, DALAM NEGERI, UM -31	
15.	HARGA LEMBU NAIK PENINGKATAN PENTERNAK, DALAM NEGERI, UM -32	

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Habitat hidupan sungai sekitar Ipoh terjejas angkara aktiviti lepas ikan pemangsa

Spesies predator ancam ikan sungai

Oleh MUHAMAD TARMIZE MOHD. NOR

IPOH – Tindakan sesetengah pegusahai air tawar melepaskan spesies pemangsa seperti keli Afrika, baung ekor merah dan raja ke sungai untuk bernazar antara punca ikan air tawar tempatan di Perak dihukuti pupus.

Pelepasan ikan import yang tidak dibenarkan dan ikan hiasan yang semakin berleluasa kebelakangan ini bukan sahaja membunuh ekosistem sungai, malah pendapatan nelayan air tawar atau nelayan darat terjejas teruk.

Antara sungai di sekitar bandar raya ini yang terjejas teruk akibat perbuatan pelepasan ikan pemangsa seperti keli Afrika, baung ekor merah dan raja ialah Sungai Kinta, Sungai Raya dan Sungai Pinji.

Bekas nelayan air tawar di Ipoh, Roslihid Ahmad Iamail, 37, berkata, dia terpaksa berhenti daripada melakukan kerja-kerja



IKAN baung import spesies ekor merah yang ditangkap nelayan di Sungai Kinta adalah pemangsa yang memakan anak ikan tempatan dan udang.

menangkap ikan memandangkan kebanyakannya tangkapannya adalah ikan keli Afrika yang tiada harga di pasaran.

"Keli Afrika ini biasanya dibela di dalam kolam dan dijual pada harga RM5.50 satu kilogram. Apabila dilepaskan ke dalam

sungai oleh pihak-pihak tertentu atas apa juga alasan seperti bayar nazar, ia menyebabkan ancaman besar kepada habitat asal di dalamnya."

"Pelepasan ikan berkenaan oleh pihak-pihak tertentu sehingga mencecah satu tan de-

ngan tujuan bayar nazar ini telah menyebabkan ekosistem di dalam sungai terancam, malahan ada yang telah pupus," katanya kerika ditemui Kosmo di sini baru ini.

Katanya, ikan ini mudah membesar dan apabila berada di dalam persekitaran sungai, pemangsa ini akan memakan apa sahaja yang ada di dalam sungai termasuk anak-anak ikan dan udang.

"Ikan keli Afrika tidak lagi mempunyai harga memandangkan isinya yang tidak sedap dimakan apabila sudah besar.

"Ikan-ikan inilah yang mengganggu habitat ikan air tawar di negara kita sejak tahun 1990-an lagi. Sejngat saya dahulu, nelayan darat di Ipoh masih boleh menangkap ikan kelah, udang galah dan loma di tiga sungai ini," kata-

"Menurut Roslihid, kini pelbagai ikan lain seperti tilapia, baung, terbul dan sia juga semakin sukar ditangkap.

"Saya difahamkan sebanyak

enam tempat aktif pelepasan ikan pemangsa di sekitar Ipoh melibatkan Sungai Kinta, Sungai Pinji dan Sungai Raya.

"Banyak aduan telah dibuat kepada Jabatan Perikanan mengenai perkara ini, namun jawapan yang diberikan amat mengecewakan nelayan.

Tambahnya, pegawai menyatakan mereka tidak mempunyai kuasa untuk menangkap individu yang melakukan perbuatan tersebut kerana terletak di bawah bidaan kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) mengikut Seksyen 69 Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 17).

"Pihak PBT pula mendakwa tidak mengetahui mengenai perkara berkenaan," jelasnya.

Seksyen 69 akta berkenaan menyentuh mengenai perbuatan kakau ganggu dalam anak sungai, saluran, parit awam atau lain-lain alur air dalam kawasan PBT yang boleh didenda sehingga RM2,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya sekali jika sabit kesalahan.

Pendapatan nelayan darat makin berkurang

PASIR SALAK – Kira-kira 100 nelayan air tawar atau nelayan darat di daerah ini terutamanya yang tinggal di sekitar Kampung Sungai Galah di sini mengeluh apabila pendapatan mereka semakin berkurangan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Seorang nelayan air tawar, Zakaria Omar, 70, berkata, satu ketika dahulu, mereka boleh mendapat hasil lumayan sehingga RM100 sehari hasil menangkap ikan di Sungai Kinta atau lebih dikenali dengan nama Sungai Galah.

"Sepuluh tahun lalu, RM100 itu sangat besar bagi kita memandangkan harga ikan pun tidak setinggi sekarang, namun kita boleh mendapatkan hasil jualan sebanyak itu setiap kali turun ke sungai.

"Kini untuk mendapatkan RM40 sehari pun belum tentu. Ikan-ikan sungai sekangkang sudah banyak pupus," katanya.

Menurut Zakaria yang masih menangkap ikan menggunakan sampan dan bubu, dahulu sungai di Kampung Sungai Galah tersebut kaya dengan udang galah, namun kini hanya tinggal nama memandangkan udang galah telah pupus di sungai tersebut.

Seorang lagi nelayan, Naiman Ibrahim, 55, berkata, antara punca kekurangan ikan air tawar di Sungai Kinta termasuklah pelepasan ikan keli Afrika, ikan raja dan baung ekor merah ke



HASIL ikan air tawar tempatan di sekitar Sungai Kinta semakin berkurang disebabkan habitat yang diancam spesies pemangsa seperti ikan raja, keli Afrika dan baung ekor merah.

dalam sungai.

"Perbuatan melepaskan ikan import ini tidak berlaku di sini. Perbuatan itu dilakukan di sungai-sungai sekitar Ipoh.

"Bagaimanapun, para nelayan di sini turut menjadi mangsa memandangkan ikan-ikan berkenaan dibawa arus melalui Sungai Kinta kira-kira 70 kilometer ke sini," katanya.

Suhaimi Mohd. Ariffin, 46, pula menjelaskan, seorang nelayan darat mampu menaikkan hasil antara 50 hingga 100 kilogram ikan sungai, namun kini susah untuk menangkap ikan walaupun hanya lima kilogram.

"Dahulu, kita mampu tangkap ikan tapah, baung kuning dan

ketutu dengan mudah kini tidak lagi, kadang-kadang langsung tidak ada hasil," katanya.

Mengulas mengenai nasib yang menimpah para nelayan itu, Yang Dipertua Persatuan Perikanan Ikan Air Tawar Kampung Sungai Galah, Kampung Gajah Perak (Peniat), Sairul Nizam Mohamad Saleh berkata, pihaknya berharap pihak berkuasa atau kerajaan negeri mengambil serius mengenai isu tersebut.

Sementara itu, Penyelidik Langgar Sahabat Alam Malaysia (SAM), Meor Razak Meor Abdul Rahman berkata, banyak faktor yang menyebabkan kekurangan ikan air tawar di dalam sungai tempatan termasuk pelepasan



IKAN raja yang masuk ke pukat seorang nelayan darat di Sungai Kinta, Perak Tengah.

ikan impor atau ikan hiasan yang bersifat pemangsa, pencemaran air sungai dan pencerobohan rizab sungai.

"Saya melihat pengaruhkuasaan yang tidak efektif oleh agensi terlibat dalam perlumbaan sungai juga menjadi sebab aktiviti pelepasan ikan ini semakin menjadi-jadi."

"Cuba kita imbas seketika mengenai kes tangkapannya berkaitan pelepasan ikan ini ke dalam sungai, sayarasa tidak ada pihak yang ditangkap setakat ini.

"Lihat juga hanya berapa kes yang berjaya ditangkap dan dikawal kerana menua ikan atau menggunakan bom semasa menangkap ikan," katanya.

Spesies dilarang dilepaskan ke sungai tempatan

- Piranha
- Bawal merah
- Silver dollar
- Salmon
- Trout
- Peacock bass
- Northern pike
- Flower horn
- Arapaima / Ikan naga
- Sturgeon
- Ikan buaya
- Red claw
- Silver perch
- Baung ekor merah
- Jade perch
- Kap rumput
- Lee Koh
- Kap perak
- Kap kepala besar
- Bandaraya
- Rohu
- Tilapia
- Paddlefish
- Keli Afrika
- Patin (Chao Phraya giant catfish)
- Katla

Man hurts dog, fined RM7,000

Defence strikes plea bargain

By NURBAITI HAMDAN

nurbaiti@thestar.com.my

KUALA LUMPUR: A self-employed man was fined RM7,000 by the Sessions Court here after he admitted to causing pain to a dog.

Amir Abd Salim Meor Lope, 55, pleaded guilty to an alternative charge of cruelly causing unnecessary pain to the female mongrel behind an unnumbered car workshop at Jalan Miri, Taman Beringin, Jinjang Utara, between Jan 4 and 5 last year.

The charge under Section 44(1)(d) of the Animal Act 1953 carries a fine of up to RM50,000, up to one-year imprisonment or both, upon conviction.

Earlier, lawyer Chris A. Chong told the court that the prosecution and the defence agreed for his client to pay a RM7,000 fine.

"This agreement was done through a negotiation declaration form that was mutually agreed," he said.


Veterinary Services Department prosecuting officer Hasiah Musa confirmed the agreement.

Judge Manira Mohd Nor then fined Amir RM7,000 in default of four months' imprisonment. He settled the fine later.

According to the statement of facts, the complainant in this case found seven dead dogs believed to have died from poison that was mixed with food when the complainant went to give food to stray dogs near Taman Wahyu 2, Batu Caves, on Jan 5, 2019.

She also found two other dogs, one dead while the other had injuries on its feet and body.

The dog was rescued and sent to a pet clin-



Unnecessary pain: Amir pleaded guilty to animal cruelty charges at the Sessions Court in Kuala Lumpur. — Bernama

ic, and the complainant then lodged a report.

On Jan 31, 2019, around 11.30am, acting on the public complaint, a team from the Veterinary Services Department had carried out an investigation which brought them to a chicken coop at a car workshop in Jalan Miri, Taman Beringin.

Amir, who was at the workshop, told the undercover investigator that he used a machete to slash several dogs that went to his chicken coop.

The investigators returned to the workshop with police to conduct a search and found a machete at the workshop.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA
21/7/2020	SINAR HARIAN	SUARA SINAR	16 SURAT

☞ Nota Di Sebalik Tabir

Bersama MERAK JALANAN

SEMAKIN menjadi-jadi pula kes penganiayaan terhadap haiwan yang dilaporkan media sejak akhir-akhir ini menunjukkan manusia semakin hilang kewarasan dalam berfikir.

Haiwan juga adalah makhluk bersayangi dan dilindungi sama seperti ciptaan ALLAH yang perlu di-

menyayangi segala ciptaan Tuhan menunjukkan kita adalah insan yang benar-benar memahami tentang hakikat kehidupan sebenar

Individu yang menzalimi haiwan ternyata memiliki pemikiran yang tidak normal malah seorang yang bacul kerana hanya berani untuk bertindak kejam terhadap binatang.

Mujurlah di negara kita ini, kerajaan mewujudkan Akta Kebajikan Haiwan 2015 yang menerapkan seseorang yang menzalimi haiwan boleh didenda maksimum sebanyak RM75,000 atau dipenjara tidak mencebiki dua tahun atau kedua-duanya sekali.

Menyayangi segala ciptaan Tuhan menunjukkan kita adalah insan yang benar-benar memahami tentang hakikat kehidupan sebenar

Akta Kebajikan Haiwan tangani penganiaya penganiayaan haiwan zalim, kejam

(d) Akta Haiwan 1953 (Pindaan 2006), jika terdapat pemilik haiwan meninggalkan haiwan peliharaan tanpa penjagaan yang betul seperti tidak cukup makan dan dikunung dalam sangkar atau rumah yang mana boleh mengakibatkan kesakitan atau penderitaan kepada haiwan terabit, mereka boleh dihukum.

Jika didapati bersalah, pemilik hai-

wan boleh didenda maksimum

RM50,000 atau penjara tidak lebih

setahun atau kedua-duanya sekali.

Selain itu, di bawah Seksyen 44 (1)

Atas sebab itulah, tanggungjawab menjaga haiwan peliharaan adalah berat dan memerlukan pejagaan rapi. Menurut Mufti Negeri Sembilan, Datuk Mohd Yusof Ahmad, manusia adalah berdosa jika mereka mengamaya haiwan sama ada binatang haram atau yang halal dimakan atau disentuh bagi orang Islam.


Menurutnya, semua haiwan perlu dikasihi melainkan yang membahayakan nyawa maka dibolehkan untuk membunuhnya.

Denda RM7,000 sebab tetak anjing

Kuala Lumpur: Tindakan kejam seorang lelaki mencerakau anjing baka Mongrel dengan menetak haiwan itu menerima balasan setimpal apabila diberi denda RM7,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, semalam.

Hakim Manira Mohd Nor menjatuhkan hukuman itu terhadap Orang Kena Saman (OKS), Amir Abd Salim Meor Lope, 51, selepas lelaki itu mengaku bersalah bagi pertuduhan pilihan berkenaan.

Berdasarkan kertas pertuduhan, Amir didakwa dengan kejam menyebabkan kesakitan yang tidak sepatutnya kepada seekor anjing di belakang bengkel kereta tidak bernombor di



AMIR Abd Salim mengaku salah atas kesalahan menetak anjing betina baka Mongrel tahu lalu.

Taman Beringin, Jinjang Utara antara 4 dan 5 Januari 2019.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 44(1)(d) Akta Binatang 1953 (Akta

647) yang boleh dihukum mengikut Seksyen 44(1) akta sama Pindaan 2013 yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara sehingga setahun atau kedua-duanya jika sabit kesalahan.

Mengikut fakta kes, sesepuaskan pegawai kebajikan haiwan JPV Wilayah Persekutuan menjumpai seekor anjing betina dengan kesan jahitan di kaki kiri dan kanan serta luka di badan dipercayai cedera akibat tetakan objek ta-

jam. Haiwan itu ditemui di kawasan lombong Taman Wahyu 2, Batu Caves kira-kira jam 10.15 pagi, 2 Februari 2019.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/7/2020	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	8

Marah tetak anjing

KUALA LUMPUR: Hanya marahkan beberapa ekor anjing merayau dalam reban ayamnya, seorang lelaki bertindak menetak kaki dan badan haiwan itu.

Lelaki tersebut Amir Abd. Salim Meor Lope, 52, kemudian menceritakan kejadian itu kepada beberapa individu tanpa mengetahui dia telah membuka rahsianya sendiri.

Hakim Mahkamah Sesyen Manira Mohd. Nor menjatuhkan hukuman denda RM7,000 ke atas Amir Abd. Salim selepas merekodkan pengakuan bersalah lelaki itu atas tuduhan pilihan.

Jumlah tersebut merupakan nilai yang dipersebut-jui pihak pendakwaan dan pembelaan.

Mengikut pertuduhan, Amir Abd. Salim didakwa menyebabkan kesakitan yang tidak sepatutnya terhadap seekor anjing antara 4 dan 5 Januari 2019, di belakang sebuah bengkel tidak bermotor di Jalan Miri, Taman Beringin Jingga Utara dekat sini.

Pertuduhan terhadapnya dikemukakan mengikut Seksyen 44(1)(d) Akta Binatang 1953 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 44(1) akta sama yang memperuntukkan hukuman denda maksimum RM50,000 atau penjara tidak melebihi satu tahun atau kedua-dua sekali.

Pendakwaan dikendalikan pegawai pendakwa Jabatan Veterinar Wilayah Persekutuan, Hasiah Musa manakala tertuduh diwakili peguam bela, Chris A. Chong. OKS membayar denda tersebut.



AMIR ABD. SALIM

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/7/2020	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	21

Lelaki didenda RM7,000 kerana tetak anjing

KUALA LUMPUR - Seorang lelaki dikenakan denda RM7,000 oleh Mahkamah Sesyen semalam selepas mengaku bersalah menetak seekor anjing betina sehingga cedera di belakang sebuah bengkel Januari tahun lalu. Orang Kena Samaan (OKS), Amir Abd Salim Meor Lope, 52, mengaku salah bagi pertuduhan pilihan itu di hadapan Hakim Manira Mohd Nor dan jika gagal membayar denda, boleh dikenakan hukuman empat bulan penjara.

Mengikut kertas pertuduhan, Amir diakwa melakukan kesalahan menyebabkan kesakitan yang tidak sepatutnya kepada seekor anjing di belakang bengkel tidak

berombok, Jalan Miri Taman Beringin Jinjang Utara 52000 Kuala Lumpur di antara 4 hingga 5 Januari 2019.

Oleh yang demikian jika sabit kesalanan OKS boleh didakwa di bawah Seksyen 44(1)(d) Akta Binatang 1953 (Akta 647) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 44(1) Akta yang Sama (Pindaan 2013).

Jika sabit kesalahan, tertuduh boleh dihukum maksimum RM50,000 atau penjara tidak lebih satu tahun atau kedua-duanya. Peguan Chris A Chong, yang mewakili OKS berakta, pihaknya bersama OKS dan pihak pendakwaan bersetuju dengan kesediaan OKS untuk membayar denda

RM7,000.

Pegawai Pendakwa, Jabatan Veterinar Wilayah Persekutuan, Hasnati Musa juga tidak membantah cadangan pihak pembandingan dan mengesahkanya.

OKS membayar denda berkenaan selesa pas selesai prosiding itu.

Mengikut fakta kes, seorang wanita bersama suaminya yang memberi makanan kepada anjing jalanan di kawasan itu menjumpai tujuh bangkai anak anjing dipercaiyai mati diracun dalam makanan selain menjumpai seekor anjing betina mempunyai kesan luka teratkan di kaki kiri, kanan dan badannya.

Tertuduh yang keluar dari mahkamah selepas prosiding sematmas.



Lelaki didenda RM7,000 di bawah Akta Binatang 1953

Balasan tetak anjing dengan parang



KUALA LUMPUR - Perbuatan kejam seorang lelaki menetak seekor anjing baka Mongrel berbalas apabila dihukum denda RM7,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam.

Keputusan dibuat Hakim Manira Mohd. Nor selepas Amir Abd. Salim Meor Lope, 52, se-laku Orang Kena Saman (OKS) mengaku salah atas pertuduhan pilihan yang dibacakan terhadapnya.

Amir yang bekerja sendiri didakwa menyebabkan kesaktian yang tidak sepatutnya ke atas seekor anjing di belakang bengkel kereta tidak bernombor di Jalan Miri, Taman Beringin, Jinjang Utara di sini pada 4 dan 5 Januari 2019.

Pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 44(1)(c) Akta Binatang 1953 (Akta 647) yang boleh dianum di bawah Seksyen 44(1) akta sama (Pindaan 2013).

Sabit kesalahannya, tertuduh boleh dikenakan hukuman denda sehingga RM50,000 atau penjara maksimum setahun atau kedua-duanya.

Terdahulu, pegawai Chris A. Chong memberitahu mahkamah seekor anjing di Kuala Lumpur semalam.

wan bersertuju OKS membayar denda melalui borang Akuan Rundingan yang telah dipersetuju secara bersama.

Pegawai Pendakwa Jabatan Perkhidmatan Veterinar Wilayah Persekutuan, Hasiah Musa tidak membantah dan mengesahkan borang akuan tersebut.

Selepas mendengar hujah kedua-dua belah pihak, mahkamah menjatuhkan hukuman denda RM7,000 atau perjaya empat bulan setiranya gagal membayar denda ini. OKS membayar denda tersebut.

Mengikut fakta kes, seorang wanita bersama suaminya yang juga pengadu menjumpai seekor anjing dengan kesan tetakan pada badan dan kaki.

Berdasarkan aduan itu, separ-sukan Pegawai Kehajikan Hawwan, Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang melakukan penyamaran mengumpal sebuah reban ayam milik OKS di kawasan tersebut.

OKS memberitahu, dia mewatak beberapa ekor anjing yang datang ke reban ayamnya dengan parang kerana malu melindungi haluan peliharaannya di dalam reban tersebut.

AMIR (tengah) keluar dari Mahkamah Sesyen selepas dijatuh hukuman denda RM7,000 atas kesalahan menetak seekor anjing di Kuala Lumpur semalam.

Sawah padi kehidupan Rohani

KUBANG PASU: "Kehidupan saya dengan sawah padi tidak boleh dipisahkan. Sejak usia tujuh tahun, saya bantu ayah menanam padi di bawah terik matang sambil bermain lumpur."

Itu pengakuan Rohani Ahmad, 54, dari Kampung Pida 6, Jalan Sanglang di sini ketika ditanya kisah hidupnya membesar dalam keluarga pesawah.

Katanya, walaupun wanita lain mungkin lebih selesa bekerja di pejabat yang berhawa dingin, namun dia lebih seronok mengharungi kawasan yang menghijau dengan tanaman padi.

Kerani di pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Mada B2 Sanglang itu mengambil keputusan berhenti kerja kira-kira empat tahun lalu untuk memberi tumpuan sepenuh masa sebagai pesawah.

Ketika ini dia mengusahakan tanaman padi di sawah sendiri seluas 11 hektar.

"Saya percaya tidak ramai dalam kalangan wanita sekarang yang mahu melakukan kerja-kerja sawah," katanya ketika ditemui di rumahnya.

Rohani yang mempunyai empat anak berusia 19 hingga 28 tahun berkata, selepas solat



ROHANI Ahmad dan Roslan Yahaya di kawasan sawah padi milik mereka di Kampung Pida 6, Jalan Sanglang, Kodang, Kubang Pasu, Kedah.

- UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

Subuh, dia ditemani suaminya, Roslan Yahaya, 58, pergi ke sawah untuk kerja-kerja menanam dan menjaga pokok padi.

Bagaimanapun, katanya, kerja-kerja yang agak berat seperti meracun dan membajak dilakukan suaminya atau mengupah penduduk tempatan.

"Pada bulan pertama pokok padi ditanam, kerja-kerja memantau perlu dilakukan secara lebih kerap dan teliti seperti paras air, serangan penyakit dan serangan serangga perosak seperti bena perang, ulat serta siput gondang," ujarnya.

Kata Rohani, pegawai-pega-wai Padi Nasional Berhad (Ber-nas) sentiasa memberi nasihat dan galakan supaya dia sentiasa produktif dalam menghasilkan beras berkualiti.

Anggaran tuaian padi di sawahnya kira-kira 100 tan metrik setiap musim dihantar ke Kilang Beras Bernas Pering di sini.

"Kilang beras Bernas berdeka-tan dengan kawasan sawah padi yang saya usahakan, selain itu pegawai-pega-wai di kilang ber-beras Bernas juga mengambil berat terhadap masalah-masalah dihadapi pesawah," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/7/2020	THE STAR	ONLINE	

Expedition to study marine life post-Covid-19

KUALA NERUS: Universiti Malaysia Terengganu (UMT), in cooperation with the Department of Marine Parks Malaysia, will carry out a special expedition to conduct a study on the status of marine life around Terengganu.

UMT vice-chancellor Prof Datuk Dr Nor Aieni Mokhtar said the main objective of the expedition, which begins this month and will run until November, was to determine the current condition and health of the coral reefs, quality of seawater as well as the effect of the islands' closure on the socio-economy of local communities and tourism operators.

The expedition will look at what was affected during the movement control order and if there are any new discoveries, she said.

She told reporters this after the signing of a memorandum of understanding (MOU) between UMT and the Fisheries Department, which was witnessed by Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiandee yesterday.

The expedition will cover Pulau Redang, Pulau Perhentian, Pulau Kapas and Pulau Tenggol.

Kiandee said that the MOU was a strategic collaboration towards developing and modernising the country's fisheries sector through sustainable, dynamic and competitive management and development, which are based on scientific information as well as quality services. — Bernama



DR. Mohd. Firdaus melihat pokok lidah jin di Institut Biologi Sains, UPM, Serdang di Selangor.

Lidah jin didakwa ancam kesihatan perlu kajian saintifik

Pokok pun jadi mangsa 'fitnah'

Oleh LAU PA JUNUS
dan SYAFIQAH SHUKOR
gayutusan@mediamulia.com.my

IA sudah terjadi tetapi benarkah demikian. Tidak lama dulu timbul isu tanaman dalam rumah ‘pokok duft-duft’ atau dikenali sebagai pokok pembawa tuah menjadi punca penyakit leukemia.

Kali ini pokok *Sansevieria* pula dikatakan memberi ancaman kesihatan. Keronnya mengandungi sejenis bahan yang terkandung di dalamnya dikenali sebagai saponin iaitu bahan fitokimia dalam tumbuhan yang mungkin berguna atau sebaliknya kepada manusia dan haiwan.

“Ibu ini akan berterusan kerana sikap sebahagian

kita yang suka menularkan sesuatu tanpa pengetahuan yang mendalam mengenainya,” ujar Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Tanaman, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Mohd. Firdaus Ismail.

Beliau berkata, itu pokok *Sansevieria* atau lidah jin yang dikatakan berbahaya kepada kesihatan manusia kerana mengandungi saponin tidak boleh diterima bulat-bulat.

Ini kerana, perlu ada kajian sama ada saponin tersebut betul-betul memberi ancaman secara terus kepada manusia tanpa mengambil kira beberapa faktor iaitu arauan minimum yang boleh mengalibatkan kesan negatif tersebut.

“Mengandungi saponin sahaja tidak boleh dikatakan mengancam kesihatan kerana

perlu ada kajian sama ada memakan secara terus boleh mendatangkan mudarat dan berapa jumlah minimum yang dimakan boleh mengancam kesihatan.

“Kita tidak boleh terus membuat kesimpulan bahawa mengandungi saponin mendatangkan bahaya kepada kesihatan,” ujarnya yang juga pakar botani pertanian.

Beliau yang juga Penyelaras Unit Biodiversiti Institut Biosains UPM memberi analogi, adakah bahan-bahan atau peralatan tertentu yang diletakkan di dalam rumah seperti pisau dan racun serangan boleh terus dianggap berbahaya malahkan berlaku kemalangan atau terminum bahan tersebut.

Mohd. Firdaus berkata, memang menjadi sifat pokok

menghasilkan bahan tertentu secara semula jadi menerusi proses fotosintesis.

Oleh itu, mereka juga menghasilkan sebatian fitokimia sendiri untuk membantu berkembang dan melawan pemangsa. Dalam erti kata mudahnya, ia digunakan sebagai pelindung.

“Setiap pokok mempunyai bahan kimia sendiri dan akan memberi kesan sampingan jika berlaku kemalangan. Misalnya, saponin adalah bahan kimia yang ada di dalam pokok.

“Kemalangan berlaku apabila pasu bunga diletakkan di tempat yang tidak sepatutnya. Contohnya, seseorang atau sesuatu benda hidup termakan dengan jumlah yang banyak barulah akan menyebabkan ketoksikan,” jelasnya.

TIPS MENJAGA TANAMAN

- » Ditanam dengan media tanaman yang betul.
- » Tidak digalakkan untuk tanam kerana mengikut trend semata-mata di media sosial, kerana ia juga adalah benda hidup yang perlu diberi perhatian.
- » Diletakkan atau ditanam di lokasi yang sesuai.
- » Mempunyai minat dalam pertanian.
- » Mendapatkan maklumat dan ilmu yang sahih tentang penjagaan tumbuh-tumbuhan
- » Tanaman hiasan haruslah didekah di bawah cahaya matahari dari semasa ke semasa.

Empat bulan tidak ke laut akibat Covid-19, ketiadaan pekerja

150 pengusaha bot rugi besar

Oleh MOHD. HAFIZ
ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

KANGAR: Kira-kira 150 pengusaha bot nelayan di Kuala Perlis di sini mengalami kerugian dianggarkan lebih RM60 juta selepas hampir empat bulan tidak turun ke laut berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sejak pertengahan Mac lalu.

Lebih malang, apabila kerajaan memberi kelonggaran melalui pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemuliharan (PKPP), pengusaha bot terbitat masih tidak dapat turun ke laut berikutan ketiadaan pekerja yang kebanyakannya warga asing dari Thailand.

Kira-kira 1,600 nelayan dari Thailand yang bekerja antara 10 sehingga 15 tahun itu dithantarkan pulang ke negara mereka berikutan pandemik Covid-19.

Sehingga hari ini, pekerja terbitat masih tidak dibenarkan kembali apabila kerajaan belum membenarkan kemasukan warga asing ke negara ini.

Pengerusi Persatuan Permaianan Ikan dan Pengusaha Bot Kuala Perlis, Liew Seak Tong, 58, memberitahu, setiap seorang pengusaha dianggarkan mengalami kerugian paling minimum sekitar RM100,000 sebulan atau RM400,000 dalam tempoh em-



PENGUSAHA bot melihat bot dan peralatan mereka yang tersadai sejak empat bulan lalu berikutan ketiadaan pekerja untuk turun ke laut di Kuala Perlis, Perlis, semalam. - UTUSAN/ MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB

pat bulan.

Katanya, jumlah RM400,000 jika dituliti dengan kesemuanya 150 pengusaha bot di sini, menyebabkan mereka mengalami kerugian lebih RM60 juta dalam tempoh tersebut.

Selain itu, katanya, masalah ketiadaan pekerja turut menghantui para pengusaha di sini apabila hanya sekitar 10 bot yang keluar

ke laut ketika ini.

Jika sebelum ini, jelasnya, para pengusaha boleh menghasilkan lebih 1,500 tan ikan sebulan namun kini, hanya 10 tan sahaja.

"Boleh dikatakan semua pengusaha mengupah nelayan warga asing dari Thailand yang mahir dan berpengalaman untuk turun ke laut menangkap ikan. Apabila kerajaan tidak membenarkan

warga asing kembali buat masa ini, ia menyukarkan kami.

"Kami cuba cari pekerja tempatan namun kebanyakan mereka tidak sanggup turun ke laut selain tidak mempunyai kemahiran yang diperlukan."

"Kita berharap kerajaan memberi kelonggaran dengan membenarkan kembali warga asing kembali bekerja," katanya.

Tiada pekerja tempatan mahu kerja

KANGAR: Kebanyakan pengusaha bot di Kuala Perlis di sini buntut dengan ketiadaan pekerja mahir yang sanggup menangkap ikan sebagaimana nelayan warga asing.

Seorang pengusaha, Iskandar Hamid, 62, berkata, dia bukan tidak memberi peluang kepada pekerja tempatan namun mereka sendiri yang tidak sanggup.

Katanya, sebelum ini, dia mempunyai 72 pekerja membabitkan tiga buah bot miliknya dan rata-rata nelayan Thailand yang mahir mengendalikan bot dan menangkap ikan bekerja dengannya.

"Kini bot sudah beberapa bulan tersadi sejak Mac lalu. Sekarang, hanya tinggal lapan pekerja sahaja.

"Saya sudah berusaha mencari



SUASANA di pelantar pendaratan ikan Kuala Perlis tidak serancak dahulu berikutan kurangnya aktiviti menangkap ikan sejak Mac lalu.

tempatan tetapi mereka tidak sanggup melakukan kerja berat, itu menjadi masalah," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Iskandar berharap kerajaan

membuka pintu sempadan bagi membolehkan pekerja asing kembali masuk ke negeri ini.

Sejak pandemik Covid-19, dia mengalami kerugian lebih

RM300,000.

Dalam pada itu, seorang pemilik bot dan lori penghantaran ikan, Mohamad Shuhailir Somai Kakavari, 27, berkata, dalam tempoh tiga bulan ini, pendapatannya terjejas teruk dengan kerugian sekitar RM90,000.

"Sebelum ini, kita mampu hantar ikan ke seluruh negara membatikan 2,000 kilogram sehari. Mass Covid-19 ini hanya sekitar 50 kilogram sahaja," katanya.

Katanya, sebelum ini, dia mempunyai lapan pekerja Thailand namun sekarang mereka sudah pulang ke negara sendiri.

"Nak cari pekerja tempatan yang mahir dan berminat dengan kerja-kerja menangkap ikan memang susah," katanya yang mempunyai dua buah bot.

Dulu kontraktor kini petani

**BANGKIT
SEMULA**



Oleh MOHAMAD SHOFITMAT ISA
shofi.isa@mediamulia.com.my

ROMPIN: Daripada seorang kontraktor pengangkutan selama lebih 10 tahun, Mahathir Ishak, 50, yang merupakan generasi kedua Felda Selendang 1 di sini, kini memberi tumpuan sepenuhnya kepada bidang pertanian.

Keputusan menukar kerjaya itu terpaksa dibuat bagi memastikan dia dapat bangkit semula selepas perniagaannya terjejas akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) akibat Covid-19.

Bapa kepada dua anak itu berbakti, dia terpaksa mencari alternatif baharu bagi menjana pendapatan.

“Saya cuba tanam kacang bendi, terung dan lada besar. Saya mohon daripada Felda tanah seluas kira-kira 1.21 hektar di depan rumah yang asalnya kawasan hutan untuk menjalankan aktiviti pertanian.

“Saya gunakan sepenuhnya habuk sabut dan fiber panjang yang saya usahakan sejak tiga tahun lalu dan ekoran kurang permintaan akibat PKP, saya gunakan sendiri,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di Felda Selendang 1 di sini.



MAHATHIR Ishak memeriksa sistem pengairan projek fertigasi yang diusahakannya di Felda Selendang 1, Rompin, Pahang, baru-baru ini. - UTUSAN/ABDUL RASHID ABDUL RAHMAN

Mahathir berkata, bukan mudah untuk dia mengubah landskap kawasan hutan menjadi sebuah projek fertigasi dengan suasana menarik dan santai.

“Saya belanja kira-kira RM50,000 untuk kos keseluruhan bagi membersihkan kawasan hutan itu termasuk buat teres tanah, stor, kolam dan itu pun belum siap sepenuhnya,” ujarnya.

Kata Mahathir, dia bercadang

menjadikan kawasan itu sebagai lokasi tarikan orang ramai.

“Di sini akan ada kolam ikan, kawasan mata air, landskap yang menarik berdasarkan habuk sabut, panorama indah dengan adanya pokok buah-buahan dan sayur-sayuran menghijau.

“Saya memerlukan kira-kira setahun dan jika usaha ini mendapat sokongan khususnya Jabatan Pertanian, pasti lebih

cepat memperoleh hasil,” katanya.

Katanya, hasil tanaman seperti kacang bendi, terung dan lada besar dijual di sekitar Felda Selendang dan Kuala Rompin.

“Bendi saya tanam kira-kira 500 pokok, terung dan lada besar masing-masing 300 pokok dan labu 200 pokok, semuanya menggunakan cocopeat,” ujarnya.

Harga lembu naik peningkan penternak

PASIR PUTEH: Harga lembu di negeri ini dijangka terus meningkat disebabkan kos makanan ternakan yang naik mendadak.

Permintaan tinggi menjelang Aidiladha dan kekurangan bekalan dari negara jiran berikutan sempadan negara masih dalam Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) turut mempengaruhi kenaikan itu.

Seorang penternak lembu tempatan, Rosdi Derasid, 39, berkata, penggunaan makanan ruminan seperti isi rong kelapa sawit dan soya dihasilkan dalam bentuk pelet menjadi keperluan utama tumbesaran lembu ternak selain rumput di padang ternakan.

"Peningkatan harga makanan ruminan ini menyebabkan penternak terpaksa menaikkan harga daging atau lembu hidup dengan kadar setimpal bagi mengelak kerugian dalam proses jual beli."

"Diharap kerajaan dapat mengawal kenaikan harga makanan haiwan ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Menurut Rosdi, dedak sawit hitam yang dahulunya berharga RM19 kini meningkat RM37 bagi berat 50 kilogram manakala dedak sawit merah pula, RM32 kepada RM48.

"Seekor lembu terpaksa dibekalkan dengan 50 kilogram dedak untuk 10 hari.

"Jika diternak secara kurung terus dan rumput gagal dibekalkan dalam kandang, seekor lembu memerlukan sekurang-kurangnya enam kilogram dedak sehari," katanya.

Rosdi yang memiliki kemahiran menangkap lembu liar berkata, lembu sudah 'bersalin gigi' atau cukup umur untuk amalan korban lazimnya berusia lebih dua tahun.

"Biasanya satu bahagian lembu di daerah ini berhar-



“

Peningkatan harga makanan ruminan ini menyebabkan penternak terpaksa menaikkan harga daging atau lembu hidup dengan kadar setimpal.”

ROSDI DERASID

ga RM600 hingga RM700. Bermakna seekor lembu mencapai harga RM4,200 hingga RM4,900. Bagi yang lebih berkemampuan, mereka sanggup korbankan lembu sado, paling murah berharga RM15,000 seekor," ujarnya.

Sementara itu, seorang pembeli, Norhakimi Mohamad, 45, berkata, kenaikan harga daging lembu sehingga mencecah RM30 sekilogram adalah agak keterlaluan.

Katanya, harga daging yang sentiasa meningkat mendorong peniaga makanan turut menaikkan harga jualan.

"Kenapa daging import jauh lebih murah berbanding daging lembu tempatan? Persoalan ini perlu dirungkai pihak berkuasa," katanya.